

16/07/1999

Ke arah mengembalikan martabat belia

Chek Mat

KEBELAKANGAN ini, sudah ada tanda-tanda menunjukkan kekecewaan di kalangan aktivis masyarakat yang menganggap sektor sosial sebagai sektor pinggiran, sampingan, pelengkap dan lapangan orang terbuang. Mengapakah keadaan dan suasana suram ini wujud dalam masyarakat belia yang terkenal dengan daya juang hebat dan idealisme yang menggegarkan? Seolah-olah ada sesuatu yang tidak menjadi terhadap sektor ini. Pada hal sektor ini turut berperanan menyumbangkan khidmat bakti dan kepakarannya dalam proses pembangunan psikologi rakyat.

Tiga faktor diajukan mengapa suasana kemurungan ini menonjol, iaitu kelunturan nilai patriotisme dan nasionalisme di kalangan generasi muda, kesan 'pendidikan kewarganegaraan' yang tidak sempurna dan kemerosotan kualiti perkhidmatan dan kelemahan organisasi badan bukan kerajaan terutama sekali persatuan belia.

Kelunturan nilai patriotisme dan nasionalisme di kalangan generasi muda menumpulkan arah tujuan nilai murni dan kemegahan negara ini. Kepemimpinan badan sosial seolah-olah menjadi suatu pengembaraan ke destinasi yang tidak diketahui dan penuh kesamaran. Ini menuntut kepemimpinan generasi muda meningkatkan keupayaan mereka untuk menilai dan merancang masa depan dengan lebih berkesan berteraskan realiti semasa. Mereka perlu berfikir jauh, berwawasan, kreatif dan berani melakukan perubahan dalam bidang kesukarelaan.

Kecelaruhan mengenai pemahaman konsep patriotisme dan nasionalisme juga ada kaitannya dengan faktor utama ini. Pada hakikatnya konsep nasionalisme Malaysia berbeza dengan tafsiran yang digunakan oleh sarjana Barat. Nasionalisme Melayu yang menjadi teras nasionalisme Malaysia lahir sebagai manifestasi kepada cetusan rasa keinsafan bangsa yang ditindas. Ini ditegaskan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam ketika merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno pada 1983. Katanya, "Nasionalisme Melayu menjadi pendorong kepada orang Melayu menyatukan rancangan mereka untuk membulatkan keputusan serta menjitukan tindakan untuk menuntut kemedekaan daripada penjajah."

Apa yang menjadi persoalan sekarang ialah 'pergerakan rakyat' tidak menuju ke suatu arah yang sehaluan dalam konteks pembangunan negara. Perkembangan aliran ini dilihat sebagai suatu bahaya kerana kekuatan nasionalisme dan patriotisme mulai diserapi unsur pendewaan pemimpin, kegila-gilaan, modenisme, tradisionalis, sifat fanatik dan keterlaluan. Anak muda sudah diserapi fahaman asabiyah dan chauvanisme yang keterlaluan sehingga menenggelamkan konsep kebebasan, kemanusiaan dan patriotisme.

Apakah kita ingin meruntuhkan asas demokrasi, Perlembagaan, kerakyatan dan kekuatan bangsa? Pergerakan massa yang dipelopori dan dijuarai anak muda terutama dalam pergerakan belia sangat dikagumi pada masa dulu kerana ada matlamat yang jelas dalam isi dan bentuk perjuangannya. Kebangkitan mereka sekarang ini sudah bertukar ke arah nasionalisme yang sempit dan merosakkan perpaduan ummah.

Belia juga dibelenggui kesan 'pendidikan kewarganegaraan' yang tidak sempurna. Matlamat pendidikan kewarganegaraan bukan saja berorientasikan utiliti malah menjurus kepada pembinaan budaya ilmu, penerapan nilai murni, penghayatan kebenaran dan pengembangan keadilan dalam masyarakat. Sistem pendidikan sekarang menghadapi cabaran besar untuk menyempurnakan pendidikan kewarganegaraan. Peranannya bukan lagi memenuhi tuntutan konvensional supaya patuh kepada agama, berilmu pengetahuan dan bersifat

mulia tetapi juga perlu diuruskan kepada menjadi warga negara terbaik dan cemerlang.

Institusi formal pendidikan belum diserasikan serta dibudayakan dengan institusi bukan formal ke arah pembentukan warga negara cemerlang. Negara mungkin berjaya menghasilkan ramai tenaga pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tetapi kontang nilai dan akhlak sosialnya. Lantaran itu lahirlah 'knowledgeable barbarian' dan 'skilled barbarian' di jalan raya yang meruntun kesejahteraan negara. Jika keadaan ini berlanjutan, tahap kemajuan dan kesejahteraan masyarakat sekarang mungkin tergugat.

Kemerosotan kualiti perkhidmatan dan kelemahan organisasi badan bukan kerajaan terutama sekali persatuan belia memang diakui. Menurut Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 1996 sebanyak 36 peratus daripada 7,000 persatuan belia saja masih aktif. Katanya, "Ini adalah satu fenomena yang membimbangkan kerana kebanyakan persatuan belia didapati tidak bergerak sedangkan ahlinya masih ramai." Masalah kemerosotan kualiti perkhidmatan ini disebabkan oleh iklim organisasi yang kompleks, penuh kekacauan serta permintaan yang semakin bertambah berikutan perkembangan revolusi teknologi dan perubahan yang begitu pantas.

Tanpa sokongan pemimpin yang proaktif dan dinamik, nescaya organisasi kemanusiaan akan terus terpinggir dalam arus perdana masyarakat. Oleh itu, seluruh anggota perlu bertindak secara matang dan boleh berubah ke arah pengisian program kecemerlangan bepersatuan menjelang abad ke-21.

Perkembangan ilmu dan teknologi melahirkan elit pemimpin dan pengurus dalam sektor awam, swasta dan kesukarelaan. Dalam bukunya *The Managerial Revolution*, James Burnham (1941) memperjelaskan pengkhususan fungsi boleh menyulitkan lagi suasana organisasi berwibawa dan berketrampilan dalam menangani permasalahan organisasi. Pemimpin boleh dianggap sebagai pakar pemikir strategik. Kekosongan ini sangat ketara dalam budaya persatuan belia yang rumit, keliru dan kabur. Suasana muram ini tercetus kerana pemimpin tidak tahu memilih matlamat organisasi.

Jadi tidak hairan jika wujud organisasi tertentu begitu aktif melaksanakan program semata-mata atas nama 'Program Belia' dan 'Rakan Muda'. Ini menyebabkan organisasi belia sering terdedah dengan ancaman dalam dan luar organisasi. Menurut Galbraith (1973), ancaman itu muncul kerana pengurusan maklumat yang terbiar.

Untuk mengatasi ancaman luar organisasi, Thomson (1967) mencadangkan lima tindakan perlu dilakukan bagi mengurangkan ketidakpastian. Pengekoden, penyimpanan, perataan, peramalan dan pertumbuhan perkhidmatan belia disediakan bagi memperkasakan perancangan, kepemimpinan dan pelaksanaan sesuai dengan saiz organisasi dan penjimatan kos pengurusan. Ancaman dalaman dapat ditangani menerusi perbezaan peranan ahli dan unit, membina perseimbangan dan keselarasan dalam pengukuhan struktur yang membabitkan tingkatan organisasi, pengubahan matlamat, peranan dan rangkaian tindakan menyeluruh.

Seiring tindakan itu, usaha meningkatkan inovasi dan kualiti perlu diperkembangkan untuk menghadapi revolusi kualiti dalam sektor kemasyarakatan. Dr Mahathir mahukan seluruh tenaga, pemikiran, strategi dan pengorbanan ditumpukan untuk menjadikan Malaysia nombor satu dalam semua bidang.

Cita-cita murni beliau bukanlah utopia, propaganda politik dan sorak-sorai budaya kualiti saja tetapi suatu realiti untuk meningkatkan martabat negara.

Pembaharuan pertumbuhan belia perlu dilaksanakan secara meluas menerusi dua bentuk kawalan utama dan sekunder. Bagi organisasi yang sudah mapan, kawalan utama lebih difokuskan ke arah pembentukan budaya ilmu dan dalam kerangka 'learning organization' untuk menjadikannya lebih cemerlang dan berdaya saing. Mereka boleh dijadikan pemangkin ke arah organisasi terbaik

peringkat dunia dalam kerja belia. Bagi organisasi belia yang `lesu dan degil', kawalan sekunder perlu diterapkan.

Masanya telah tiba Akta Pembangunan Belia diperkenalkan sebagaimana Akta Pembangunan Sukan yang menerjah kegemilangan sukan. Beberapa pindaan terhadap Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 perlu dilakukan. Dengan cara demikian, Dasar Belia Negara dapat dilaksanakan secara berkesan di samping mengatasi masalah lapuk dalam bidang pengurusan dan kepimpinan.

Kebijaksanaan dan ketelusan dalam seni pengurusan mencakupi pentadbiran dan kepimpinan bukan saja dapat menceriakan keadaan tetapi juga mengembalikan martabat persatuan belia yang kini seakan organisasi `gajah putih' yang terpenjara. Wawasan belia perlu dinilai dan diperbaiki semula supaya sektor kesukarelaan yang penuh dengan semangat patriotisme dan nasionalisme turut berkembang mekar dalam wadah yang betul dan sesuai dengan hasrat negara.

* Chek Mat ialah Pengarah Institut Kepimpinan Belia Negara.

(END)